



Tarikh: 10/08/2001 bersamaan 20 Jamadilawal 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 08

Kerusi Kosong Siapa Punya

Maka masuklah Maharisi Kala Api
yang tua dalam bertapa, ke dalam
Wat Gedi Tujuh Bermas
menurun ilmu dari dalam dada
pada muridnya yang tiga puluh:
sembilanbelasnya Melayu
sebelasnya lain-lain.

Dari sudut kedut mata tua
tujuh murid tiada.

Dihisab dihitung, nyata
kerusi kosong milik siapa:

yang pertama Melayu yang punya
yang kedua Melayu yang punya
yang ketiga Melayu yang punya
yang keempat Melayu yang punya
yang kelima Melayu yang punya
yang keenam Melayu yang punya
yang ketujuh Melayu yang punya.

Maharisi kesalnya hati, mesti terus mengajar
kuliah tidak boleh batal.


Anak-anak yang tiada, mesti tertinggal.

Esok, jika pun kau datang, anakku bertujuh,
dadamu tak mungkin terisi sepenuh
dada yang lain-lain.

Kau 'kan tinggal di bekalang
mengutip sisa-sisa tak termakan.

... Hashim Yaacob

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

PELUANG TERABAI

Minggu ini Universiti Malaya (UM) telah mengadakan **Sayembara Deklamasi Puisi** antara kaum untuk memilih wakil UM. NOTIS mengenainya telah diberikan kepada semua Fakulti dan Kolej Kediaman untuk dipamerkan. Hadiah pemenangnya di peringkat IPTA yang akan diadakan pada 30 Ogos 2001 sungguh lumayan iaitu RM6,000.00. Jumlah ini adalah sama jumlahnya dengan eluan pentadbiran seorang Dekan di UM untuk satu tahun.

Malangnya hanya ada 15 orang sahaja pelajar UM yang mengambil bahagian. Di manakah perginya pelajar UM yang lain yang berjumlah seramai 22,000 orang itu? Mengapa peluang sebegini anakanda lepaskan?

HEP

Mahasiswa: Pemuda Harapan Negara Bangsa?

oleh: Mohd Fakhruzzai Ibrahim

Mahasiswa dicorak dan diwarnakan oleh suasana universiti yang didokongi oleh ahli-ahli akademik dan para pentadbir. Ika murni dan betul suasana yang dicorakkannya, serta tepat andasan intelektualismenya, maka baiklah mahasiswa yang dihasilkan, dan begitu pula sebaliknya. Sejak merdeka, bilangan siswazah universiti tempatan dan siswazah yang menamatkan pengajian di luar negeri bertambah dengan pesat sekali. Kepesatan tersebut seiring pula dengan kepesatan

ekonomi Malaysia yang secara purata menunjukkan kadar pertumbuhan yang baik. Dalam suasana sebegini, keperluan untuk menyediakan tenaga kerja yang berkualiti menjadi isu kritikal yang penting, dan tanggungjawab besar itu dibebankan ke pundak universiti.

Mahasiswa perlu menjadi teladan pencari dan pengembang tradisi ilmu. Ilmu manfaat yang diperolehi

bersambung di muka surat 2

daripada tenaga akademik perlu dihadamkan dan dikembangkan lagi dengan usaha sendiri. Setiap universiti menyediakan kemudahan perpustakaan yang terbaik kepada mahasiswa. Untuk itu, tradisi ilmu mahasiswa tidak mungkin terbantut dengan alasan kekurangan bahan-bahan bacaan ilmiah, sebaliknya terbantut kerana kurangnya usaha dan sikap mahasiswa itu sendiri. Secara umumnya, kita menerima hakikat bahawa masyarakat kini terlalu kurang membaca, apatah lagi membuat kajian dan analisa yang mantap. Keadaan ini mungkin antara faktor utama mengapa kemudahan perpustakaan yang tersedia di universiti atau di mana sahaja kurang dimanfaatkan. Mahasiswa sendiri menjadi pengunjung perpustakaan secara bermusim khususnya ketika hampir dengan peperiksaan. Sikap inilah yang menjadikan budaya ilmu dalam masyarakat kita agak terbantut.

Mahasiswa adalah kelompok yang paling hampir dengan gedung ilmu yang terdiri daripada buku-buku, bahan-bahan ilmiah dan tokoh-tokoh ilmuan. Sekiranya diteliti cara belajar mahasiswa universiti sekarang, apa yang berlaku ialah sebahagian besar mahasiswa tidak membaca buku-buku atau bahan-bahan ilmiah secara menyeluruh. Sindrom "penyakit diploma" menjadikan mereka tekun belajar untuk mengejar impian mendapatkan sijil terbaik dan bukannya satu kewajipan menekuni pencarian ilmu pengetahuan. Dalam masa yang sama, mereka telah mengamalkan sikap mendapatkan bahan ilmiah berdasarkan keperluan diri yang terhad. Sikap menyalin atau membuat salinan bahan-bahan ilmiah daripada orang-orang yang terdahulu dalam disiplin tertentu menjadikan mahasiswa buta sumber asal bahan ilmu tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mengenali secara adabnya judul buku, warna kulit buku apatah lagi penulis atau pengarang

bahan ilmiah yang dirujuk. Walaupun tidak semua mahasiswa yang terlibat dengan sindrom ini, namun yang bebas hanyalah segelintir kecil dari kalangan mereka yang mempunyai penghayatan terhadap budaya membaca.

Mahasiswa perlu sedar bahawa mereka mempunyai peranan yang jelas untuk meneruskan tradisi keilmuan di dalam masyarakat. Untuk itu, mereka perlu faham bahawa status dan persekitaran mereka adalah faktor penyokong ke arah pembentukan nilai ilmu diri yang sebaiknya. Keadaan ini pernah dinyatakan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas di dalam Dewan Masyarakat, Mac 1998, "*Universiti bukan hanya bangunannya, bukan hanya kenyataan zahirnya. Sesungguhnya dalam sejarah universiti mana pun, pengajar-pengajar atau guru-gurunya dan yang belajar daripada mereka adalah unsur utama kewujudan universiti. Jadi cemerlang atau tidak universiti itu bergantung pada ilmu pengetahuan dan pengenalan yang ada pada diri guru-gurunya masing-masing. Sekiranya ilmu yang ada pada guru itu tidak betul-betul matang serta mendalam, maka tentu sahaja taraf universiti itu tidak akan cemerlang.*" Ungkapan di atas menggambarkan bahawa jalinan keilmuan antara pengajar dan yang diajar perlu dilakukan dengan baik dan membina. Bagi meningkatkan kualiti orang yang diajar agar membudayakan tradisi ilmu, maka pengajarnya perlu memberi nasihat dan dorongan serta garis panduan tentang kaedah terbaik dan paling beradab mendampingi buku dan bahan ilmiah. Mereka yang diajar pula perlu menerima dengan rasa syukur dan berterima kasih serta mempunyai azam untuk memanfaatkan ilmu yang diajar.

Mahasiswa adalah pemuda harapan negara. Mereka perlu berilmu dengan ilmu pembina bangsa, berkualiti sebagai kualiti harapan semua, beradab sebagai adab dalam bicara. Mereka perlu mempunyai cita-cita demi untuk mendau-

latkan negara bangsa. Mereka perlu kenal siapakah mereka sebagai pemuda. Patamorgana pernah bertanya lewat puisinya "Siapakah Pemuda?" di dalam majalah Majlis, 22 Ogos 1956 seperti berikut:

Tuan bertanya – siapakah pemuda
dengar jawabku, wahai budiman
pemuda erti bunga bangsa
benteng negeri semarak watan.

Jika remaja berbudi tinggi
lemah-lembut sifat pekertinya
itulah dia pemuda sejati
pemimpin umat, pembela bangsa.

Jika remaja berhati mulia
kemajuan keras, citanya tinggi
itulah dia pemuda bangsa
harapan kaum, payung negeri.

Jika remaja bersemangat remaja
imannya teguh, gagah berani
itulah dia pemuda jaya
penjaga amanah ibu pertiwi.

Jika remajanya berjiwa mulia
perasaan harum, hatinya suci
itulah dia pemuda utama
pembuat jasa penabur bakti.

Mahasiswa perlu menjadi pemuda berjiwa merdeka. Merdeka bukan sahaja berdasarkan kedaulatan negara tempat tinggalnya, sebaliknya merdeka sebagai pencari ilmu yang beradab; merdeka daripada menjadi penimba ilmu yang tidak terarah; merdeka sebagai pemuda yang menjadi teladan dalam meningkatkan tradisi pembudayaan ilmu; merdeka sebagai pemuda yang cintakan buku-buku dan bahan ilmiah; merdeka sebagai pemuda yang mampu menghayati erti dan nilai sebenar kemerdekaan. Mereka perlu menjadi orang yang sentiasa sedar, bukan sentiasa disedarkan. Mahasiswa akan menjadi pemuda cemar andainya mereka sendiri mencemarkan diri dan status kemahasiswaan mereka. Mahasiswa perlu bertanya diri sendiri, apakah mereka pemuda harapan negara bangsa?

MAHASISWA PERLU TAHU

• Persatuan/Kelab Pelajar Selepas Eksesais •

Untuk makluman anda, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan beberapa eksesais bagi mengkaji status dan tahap keaktifan badan pelajar di Universiti Malaya. Berdasarkan kepada eksesais yang telah dijalankan, maka pihak HEP telah mengkategorikan persatuan/kelab pelajar seperti berikut:

1. Persatuan yang aktif:

Terdapat sebanyak 86 persatuan yang berdaftar di Universiti Malaya. Daripada jumlah ini hanya 56 persatuan sahaja dikenal pasti sebagai aktif.

2. Persatuan yang tidak aktif:

Berdasarkan kepada keseluruhan persatuan/kelab yang pernah mengadakan aktiviti di Universiti Malaya terdapat 30 persatuan/kelab sehingga kini tidak diaktifkan. Mahasiswa yang berminat untuk mengaktifkan persatuan-persatuan ini boleh menghubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya persatuan-persatuan ini gagal diaktifkan dalam tempoh yang telah ditetapkan maka kemungkinan besar persatuan/kelab ini akan dibatalkan status pendaftarannya.

3. Persatuan yang tidak berdaftar tetapi aktif:

Pihak HEP telah mengenal pasti sejumlah 18 persatuan/kelab yang bergiat aktif dan dalam proses untuk didaftarkan oleh Universiti Malaya. Pihak HEP tiada halangan sekiranya mahasiswa universiti ingin terlibat di dalam persatuan yang tidak berdaftar tetapi aktif berkegiatan. Namun kegiatan yang dilaksanakan hendaklah berada di bawah pengawasan dan kelulusan HEP. Walau bagaimanapun bagi mahasiswa yang berhasrat untuk terlibat dengan persatuan yang berada di luar pengawasan HEP, anda dinasihatkan agar mengelakkan diri daripada terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Semua senarai persatuan yang berada di dalam kategori di atas boleh dilihat/diperolehi di pejabat Hal Ehwal Pelajar dan boleh berurusan dengan Encik S. Ramlee Shamsuddin, Penolong Pendaftar HEP.

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Penggunaan Ungkapan "Yang Amat Berhormat"

Ungkapan Yang Amat Berhormat digunakan sebagai rujukan kehormat bagi empat nama jawatan penting dalam kerajaan kita. Ungkapan ini boleh ditulis dengan singkatan Y.A.B. Ia digunakan sebagai sapaan kehormat bagi Perdana Menteri Malaysia, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Menteri Besar dan Ketua Menteri Besar. Contoh:

Perdana Menteri Malaysia:

- i. Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia
- ii. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad



Wise Words

One should win anger through kindness, wickedness through goodness, selfishness through clarity and falsehood through truthfulness

Gautama Buddha

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

- iii. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia
- iv. Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Timbalan Perdana Menteri Malaysia:

- i. Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia
- ii. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
- iii. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia
- iv. Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi

Menteri Besar Kedah:

- i. Y.A.B. Dato' Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Kedah
- ii. Y.A.B. Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Syed Razak Syed Zain
- iii. Y.A.B. Menteri Besar Kedah
- iv. Y.A.B. Dato' Seri Syed Razak Syed Zain

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

Kenali Warga HEP

B

Beliau dilahirkan pada 7 Jun 1969 di Klang, Selangor. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau telahpun mendirikan rumah tangga dan kini mempunyai 3 orang anak (2 puteri 1 putera). Beliau mempunyai motto yang tersendiri iaitu "Hidup ini untuk membahagiakan diri sendiri dan diri orang di sekeliling tanpa mengenepikan kebahagian akhirat. Kita perlu menjadi diri sendiri dan bukannya menjadi orang lain".

Sebagai seorang yang telah memiliki pengalaman yang luas di Fakulti Bahasa dan Linguistik dan kini bertugas di **Unit Penginapan**, Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, beliau ingin melihat HEP satu hari nanti mampu melahirkan pelajar yang mempunyai ketinggian sahsiah dan budi pekerti tanpa mengenepikan kecemerlangan akademik. Beliau berharap agar pelajar dari universiti ini menjadi kebanggaan agama, bangsa dan negara.

Berdasarkan kepada penampilan beliau yang disenangi, ada yang memanggilnya 'Ummi' dan ada juga yang membahasakannya 'Ustazah', dan mungkin ada panggilan-panggilan lain yang lebih manja dan mesra atau lebih rasmi dan takzim nadanya. Namun apapun sebutan panggilannya, Puan Sarinah Sallip adalah seorang individu yang mithali sebagai seorang sahabat dan sentiasa berdidikasi sebagai seorang pegawai.



Sarinah Sallip

Pemimpin Persatuan Pelajar

Presiden Kelab Orator & Puisi

Saudara **Mohd Faris bin Radzuan** merupakan anak kelahiran Seremban, Negeri Sembilan. Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (Syariah dan Pengurusan). Selain menjadi **Presiden Kelab Orator dan Puisi**, beliau begitu aktif mewakili Universiti Malaya dalam beberapa pertandingan peringkat kebangsaan seperti Forum Bahasa Melayu IPT ASEAN '99, Debat Alam Sekitar Antara IPT 2000 & 2001, Debat Bahasa Melayu ASEAN V 2000, Debat Ala-Parlimen antara IPT 2001 dan juga Debat Piala Canselor 2001.



Mohd Faris
Radzuan

Beliau melihat Kelab Orator dan Puisi masih muda dan perlu dipertingkatkan lagi. Keahlian kelab ini perlu ditambah bagi memastikan peluang mahasiswa untuk mengembangkan potensi mereka diberi perhatian. Kelab ini mempunyai harapan dan masa depan yang cerah kerana terdapat ramai pelapis dalam debat dan puisi berpotensi untuk menaikkan nama baik Universiti Malaya pada tahap yang lebih cemerlang.

Pandangan beliau: "Mahasiswa pada hari ini masih ramai yang tidak dapat menguasai seni pengucapan awam bukan sahaja dalam pertandingan malah dalam aktiviti pembelajaran misalnya pembentangan kertas kerja yang memerlukan mereka bercakap dihadapan ramai. Ini perlu diatasi kerana mahasiswa akan bergaul dengan masyarakat bagi menjelaskan isu-isu semasa yang mana dalam situasi inilah wujudnya kepentingan dalam seni pengucapan awam atau *public speaking* ini."

Dairi HEP

11 Ogos 2001

❖ PERSEMPAHAN PENTAS Jenaka Teater Jenaka Puisi, anjuran Hal Ehwal Pelajar, DBP, ESKUM dan Kelab Seni & Kebudayaan, Fakulti Pergigian. Jins Shamsuddin, Rahman Shaari, A. Ghaffar Ibrahim, Sutung Umar RS, Nordin Razak, Zainab Kassim dll. akan bersama pada hari Sabtu, 11 Ogos 2001, jam 8.30 malam di Auditorium Perdana-siswa. Semua dijemput menonton

04 - 12 Ogos 2001

❖ Ekspo Konvokesyen Universiti Malaya (ESKUM) 2001, anjuran Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bertempat di sekitar Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Blok E, Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya.

Untuk perhatian:

Encik Mohd Fakhrulrazi atau Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'a'im Muhd Noh